

Syahadat Tok Ku Paloh

Kandungan Syahadat Tok Ku Paloh

Aku ketahui dan aku iktiqad dengan hatiku dan aku nyatakan bagi yang lain daripadaku akan bahawa sesungguhnya tiada tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan ALLAH jua yang kaya la daripada tiap tiap yang lain daripadanya dan berkehendak oleh tiap tiap yang lain itu kepadanya. Lagi yang bersifat la dengan tiap tiap sifat kesempurnaan yang maha suci la daripada segala kekurangan dan daripada barang yang terlintas la di dalam segala hati daripada barang yang tiada patut la bagiNya lagi tiada beristeri dan tiada anak dan tiada yang memperanakan bagiNya. Dan tiada menyamai la pada zatNya dan sifatNya dan afaalNya akan seseorang maka lalah tuhan yang menjadi la akan segala makhluk yang 'atri-Nya dan syafi-Nya lagi ketunggalan la pada mengadakan dan mentiadakan dengan kekerasan takluk qudrat dan iradatNya maka terserah segala kudrat ini semuaNya pada bawah perintahNya dan tiadalah jenis 'istirat bagi seseorang jua pun akan kehendaknya.

Dan aku ketahui dan aku iktiqat dengan hatiku dan aku nyatakan bagi yang lain daripadaku akan bahawa sesungguhnya penghulu kita Nabi Muhammad anak Abdullah iaitu hamba Allah dan pesuruhnya kepada sekalian makhluk lagi sangat besar la pada tiap tiap barang yang la khabarkan dengan dia daripada Tuhannya . Maka wajiblah asas tiap tiap makhluk itu benar akan dia dan akan mengikut akan dia dan haram atas mereka itu mendusta akan dia atau menyalahi akan dia maka barang siaa yang mendusta ia akan dia maka orang itu zalim ia lagi kafir ia dan barang siapa yang menyalahi ia akan dia maka orang itu derhaka ia lagi binasa ia. Mudah mudahan memberi taufiq akan kita oleh Allah bagi sempurna mengikut akan dia dan mengurnia ia bagi kita akan sempurna berpegang dengan jalannya dan menjadi ia akan kita akan setengah daripada orang yang menghidup ia akan segala hukum syariatNya dan memastikan la akan kita asas keagamaanNya dan menghimpun la akan kita serta perhimpunannya. Demikian lagi segala yang memperanak akan akan kita dan dan ahli kita dan segala saudara kita dan yang kaseh la akan kita dan segala sahabat kita daripadada segala oarang yang muslimin, Amin.